



TAKLIMAT TEKNIKAL SEBUT HARGA





**'KERJA-KERJA
MEMBEKAL, MEMASANG,
MENGKONFIGURASI,
MENGUJI, MENTAULIAH
DAN MENYELENGGARA
SISTEM ANTIVIRUS DAN
ANTISPAM BAGI TEMPOH
TIGA (3) TAHUN DI
PERBADANAN
PUTRAJAYA'**

**NO SEBUT HARGA :
PPj/SH(S)/JK/37/2022**



SKOP KERJA ASAS

- Penyebutharga yang berjaya dikehendaki melaksanakan kerja-kerja membekal, memasang, membuat installasi, membuat konfigurasi dan menyelenggara sistem antivirus dan antispam bagi tempoh tiga (3) tahun di Perbadanan Putrajaya.
- Penyebutharga perlu melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan Sistem Antivirus dan Antispam sebanyak satu (1) kali setahun.
- Penyebutharga perlu melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pembetulan Sistem Antivirus dan Antispam selama 36 bulan.
- Penyebutharga perlu melaksanakan kerja-kerja, implementasi dan konfigurasi ke atas Sistem Antivirus dan Antispam.
- Penyebutharga yang berjaya perlu memberi kursus dan latihan kepada pegawai Perbadanan berdasarkan produk yang dibekalkan.



Membekal dan Memasang Sistem Antivirus dan Antispam

- Penyebutharga yang berjaya perlu membekal dan memasang sistem Antivirus sebanyak :
 - 1350 unit lesen bagi pengguna desktop/notebook,
 - 150 unit lesen bagi pengguna server dan Antispam,
 - 1001 unit lesen bagi user mailbox.
- Lesen yang dibekalkan perlu mempunyai tempoh sah selama tiga (3) tahun dari tarikh penerimaan sistem oleh Perbadanan Putrajaya.
- Penyebutharga perlu memasang Sistem Antivirus dan Antispam di dalam server hyperconverged (HCI) yang akan dibekalkan oleh pihak PPj.



Kerja-kerja Implementasi dan Konfigurasi Sistem Antivirus dan Antispam

- Penyebutharga perlu menjalankan kerja-kerja rekabentuk penilaian dan perancangan sebelum kerja-kerja membekal dan memasang sistem antivirus dan antispam dijalankan di persekitaran rangkaian setempat di PPj.
- Penyebutharga perlu memastikan Sistem Antivirus dan Antispam sedia-ada beroperasi dengan baik sebelum kerja-kerja implementasi, pemasangan dan konfigurasi Sistem Antivirus dan Antispam baru.
- Penyebutharga perlu melaksanakan kerja-kerja implementasi, konfigurasi, pengujian dan pemantauan ke atas Sistem Antivirus dan Antispam yang akan dipasang di endpoint dan mailbox pengguna.
- Penyebutharga perlu memastikan bahawa Sistem Antivirus dan Antispam yang dipasang dan dikonfigur sesuai dengan polisi dan persekitaran rangkaian di PPj.
- Penyebutharga perlu menyiapkan kerja-kerja membekal dan memasang Sistem Antivirus dan Antispam ini dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani.



Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) Perisian

- Penyebutharga yang berjaya hendaklah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan sebanyak satu (1) kali setahun bagi memastikan perisian dan sistem yang dibekalkan berada di dalam keadaan yang terbaik mengikut piawaian pihak pembekal asal.
- Penyelenggaraan Perisian (Sistem Antivirus, Antispam dan Sistem Pengoperasian)
 - ✓ Memastikan semua perisian dikemaskini dengan patches terkini.
 - ✓ Menjalankan kerja-kerja penduaan (backup) terhadap log-log sistem
 - ✓ Menjalankan kerja-kerja housekeeping terhadap sistem dan data bagi memastikan server sentiasa berfungsi di dalam kedaan yang terbaik
 - ✓ Menjalankan kerja-kerja restore sistem atau data sekiranya perlu
- Sebarang kerosakan perisian yang ditemui semasa kerja-kerja penyelenggaraan berkala dijalankan perlulah dibuat pembaikan



Kerja-kerja Penyelenggaraan Pembaikan Selama 36 bulan

- Penyebutharga yang berjaya perlu menyediakan perkhidmatan kerja-kerja pembaikan secara komprehensif di mana semua kos pembaikan, pekerja yang diperlukan serta apa-apa kos yang berkaitan dengan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan telah diambilkira dan perlu diselesaikan dalam tempoh 24 jam dan tujuh (7) hari (24 x 7) sepanjang tempoh kontrak.
- Penyebutharga perlu menyemak operasi Sistem Antivirus, Antispam dan status perkhidmatan server setiap hari serta perlu menghantar email makluman semakan harian kepada pegawai PPj.
- Penyebutharga hendaklah menyediakan laporan harian sistem dan juga bulanan bagi memastikan status insiden dalam sistem adalah terkini.
- Penyebutharga yang berjaya perlu memastikan bahawa versi, pattern, patch Sistem Antivirus dan Antispam sentiasa dikemaskini.



Latihan

- Penyebutharga yang berjaya perlu menyediakan latihan beserta pensijilan berkaitan Sistem Antivirus / Antispam yang dibekalkan kepada pentadbir sistem (5 orang).
- Latihan mesti merangkumi semua kemahiran operasi yang diperlukan untuk memastikan pentadbir sistem dapat memasang, mengkonfigurasi dan mengurus masalah serta penyelesaian yang dicadangkan.



SISTEM ANTIVIRUS END POINT

- Penyebutharga perlu memastikan penyelesaian yang dicadangkan harus disenaraikan di Gartner Magic Quadrant untuk platform perlindungan titik akhir dengan sekurang-kurangnya lima (5) kali dalam Leader Quandrant selama lima (5) tahun terakhir.
- Penyebutharga perlu memastikan penyelesaian yang diacadangkan harus dinobatkan sebagai pemimpin dalam laporan keselamatan endpoint gelombang Forrester untuk pelindungan endpoint.
- Sistem boleh mengenalpasti dan menghapuskan virus, malware, ransomeware atau pepijat (worm).
- Sistem mampu mengemas kini pattern dan pelindungan kerentanan virus walaupun komputer berada di luar organisasi.



SISTEM ANTIVIRUS KESELAMATAN SERVER

- Sistem mesti menyokong penyelesaian keselamatan server sedia-ada dengan platform tunggal untuk pelindungan server lengkap ke atas platform fizikal, maya dan juga cloud.
- Sistem mesti menyediakan pelindungan antimalware dan kerentanan dalam satu ejen dan diuruskan oleh satu konsul utama.
- Sistem mestilah mempunyai sistem pengurusan web untuk memberi akses kepada pentadbir.
- Sistem tidak memerlukan restart sistem semasa penggunaan virtual patch.
- Penyelesaian yang dicadangkan berkebolehan untuk melakukan ‘machine learning’ dan melengkapkan analisa tingkah laku.



SISTEM ANTISPAM

- Sistem boleh diintegrasikan dengan Microsoft Exchange 2016 server dan Microsoft Active Directory 2016.
- Sistem boleh mengenalpasti, menyekat, quarantine dan menghapuskan emel berunsur spam, ransomware dan trojan miner.
- Sistem boleh mengawal emel attachment (detect, block, quarantine dan delete).
- Sistem boleh mengawal emel phising (detect, block, quarantine dan delete).
- Sistem boleh mengawal emel yang dihantar secara banyak (mass mailing control).
- Sistem mampu menapis emel secara manual dengan adanya fungsi tapisan melalui Ip Address, Sender Emel dan Emel Subject.
- Sistem mempunyai fungsi sebagai emel relay server (smtp server) yang membolehkan sistem lain menggunakan其nya untuk menghantar emel.

DIAGRAM SISTEM ANTIVIRUS DAN ANTISPAM SEDIA-ADA






DIAGRAM SISTEM ANTIVIRUS DAN ANTISPAM SEDIA-ADA





JADUAL SERVICE LEVEL AGREEMENT

No.	Kategori Masalah/ Keutamaan	Keterangan	Resolution Time	Penalti
1.0	KERJA-KERJA PEMASANGAN			
1.1	Tidak mengikut jadual kerja-kerja pemasangan, mengkonfigurasi, menguji dan mentauliah dalam tempoh 4 bulan	lewat melaksanakan kerja-kerja pemasangan, mengkonfigurasi. Menguji dan mentauliah melebihi tempoh 4 bulan	Melakukan kerja-kerja pemasangan, mengkonfigurasi, menguji dan mentauliah dalam tempoh 4 bulan	RM100 sehari bagi setiap kelewatan
2.0	PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN			
2.1	Kerosakan perisian / sistem	Lewat melaksanakan kerja-kerja pembaikan melebihi 4 jam	Perlu dibaiki dalam tempoh 4 jam	RM100 per jam atau sebahagian darinya
2.2	Penyelesaian insiden virus, malware, ransomware, worm dan spam yang di log	Lewat melaksanakan kerja-kerja penyelesaian insiden melebihi 4 jam selepas di log	Perlu diselesaikan dalam tempoh 4 jam	RM 100 per jam atau sebahagian darinya
3.0	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN			
3.1	Tidak mengikut jadual kerja penyelenggaraan pencegahan	lewat melaksanakan kerja penyelenggaraan pencegahan	Mengikut jadual kerja penyelenggaraan pencegahan	RM50 sehari bagi setiap kelewatan yang terlibat
3.2	Ketidakpatuhan keperluan kerja penyelenggaraan pencegahan	Tidak mematuhi keperluan kerja penyelenggaraan pencegahan	Mengikut keperluan kerja penyelenggaraan pencegahan	RM50 sehari bagi setiap keperluan yang terlibat
4.0	LAPORAN YANG PERLU DIHANTAR KEPADA PERBADANAN			
4.1	Penghantaran laporan bulanan	Tidak menghantar laporan seperti yang ditetapkan di dalam skop kerja	Minggu pertama pada setiap bulan	RM50 sehari bagi laporan yang terlibat
4.2	Penghantaran laporan harian	Tidak menghantar laporan seperti yang ditetapkan di dalam skop kerja	Setiap hari	RM50 bagi laporan yang terlibat



TERIMA KASIH
TERIMA KASIH